

Datasonic bangunkan fasiliti makmal keselamatan siber dengan kerjasama UiTM

Oleh **Ruwaida Md Zain** - September 22, 2023 @ 5:56pm
bhnews@bh.com.my



Ketua Pegawai Eksekutif TDA, Dr Sharoul Jambari (dua dari kanan) diiringi Ketua Pegawai Eksekutif Datasonic, Datuk Hanifah Nordin (kanan) dan Naib Canselor UiTM, Prof Datuk Dr Roziah Mohd Janor (dua dari kanan) pada Majlis Perasmian Centre Of Cybersecurity di UiTM Shah Alam hari ini. - Foto NSTP/FAIZ ANUAR

SHAH ALAM: Syarikat penyedia penyelesaian teknologi maklumat dan komunikasi, Datasonic Group Bhd (Datasonic) buat julung kali menjalinkan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi menerusi Program Kolaborasi Industri (ICP) bagi membangunkan fasiliti makmal keselamatan siber.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Hanifah Nordin, berkata di bawah seliaan Technology Depository Agency Bhd (TDA), tiga bidang utama dalam program kolaborasi itu membolehkan pemindahan teknologi dan pengetahuan, pembangunan

sumber manusia serta penyelidikan, pembangunan, pemasaran digital 'sandbox' dan 'dashboard'.

"Ia adalah satu inisiatif berpandangan jauh untuk memanfaatkan 'Big Data Analytics' bagi menangani ancaman keselamatan siber.

"Selaras dengan ini, Datasonic menaja penambahbaikan makmal Sekuriti Siber di Fakulti Sains Komputer dan Matematik, Universiti Teknologi MARA (UiTM).

"Makmal ini akan menjadi hab tindak balas dan pencegahan ancaman sekuriti siber. Kami di Datasonic amat berbesar hati di atas peluang yang diberikan untuk bekerjasama dengan pihak UiTM," katanya.

Beliau berkata ketika berucap pada majlis perasmian Makmal Sekuriti Siber yang disempurnakan oleh Ketua pegawai Eksekutif TDA, Dr Sharoul Jambari. Yang turut hadir, Naib Canselor UiTM, Prof Datuk Dr Roziah Mohd Janor

Hanifah berkata, sebagai satu daripada syarikat peneraju dalam industri keselamatan teknologi komunikasi maklumat (ICT) negara khususnya, penyediaan persekitaran dan platform bagi penyelidikan dan pembangunan berkaitan sekuriti siber amat sinonim dengan Datasonic.

"Bukan itu saja, digital sandbox dan dashboard ini bakal membolehkan pihak berkuasa dan pihak berkepentingan lain mengakses dan menganalisis ujian penyelidikan yang dijalankan dalam kerangka keselamatan siber kami.

"Ketelusan ini penting dalam mempromosikan penambahbaikan berterusan dan berdaya tindak balas terhadap cabaran-cabaran baharu. Ia akan mewujudkan pengadaptasian digital yang holistik untuk mereka mendapat manfaat ekonomi digital dengan pengetahuan bersesuaian dalam usaha menuju ke arah negara digital yang kukuh," katanya.

Dalam pada itu, beliau juga berharap projek berkenaan akan dapat memberikan manfaat sebaiknya oleh pelajar dalam mendapatkan pengalaman praktikal dan gambaran mengenai teknologi terkini yang akan memperkuat pertahanan siber secara kolektif.

"Kami harap projek ini dapat menghasilkan generasi pakar keselamatan siber yang dapat menjaga landskap digital kita," katanya.

Sementara itu, Sharoul berkata, fasiliti yang menjadi Pusat Keselamatan Siber di UiTM itu adalah satu daripada projek yang tercetus daripada perolehan kerajaan di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan disyaratkan untuk memenuhi obligasi ICP.

"Fasiliti keselamatan siber yang dibangunkan oleh Datasonic dilengkapi dengan peralatan dan perisian canggih khusus dalam bidang keselamatan siber ini dibangunkan dengan tiga fokus utama merangkumi pemindahan teknologi dan pengetahuan, pembangunan sumber manusia serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan pengkomersialan," katanya.